



## **KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1 2004/2005**

**NAMA MATA PELAJARAN : TAMADUN ISLAM DAN  
TAMADUN ASIA 2**

**KOD MATA PELAJARAN : UMA 1152**

**KURSUS : 2BPA/2BPC/2BPD/1BFB  
/1BFP/2BPB/3BTA**

**TARIKH PEPERIKSAAN : OKTOBER 2004**

**JANGKA MASA : 2 JAM**

**ARAHAN : JAWAB EMPAT (4)  
SOALAN SAHAJA  
DARIPADA ENAM (6)  
SOALAN.**

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 2 MUKA SURAT**

- S1 Peradaban Pribumi adalah sebuah peradaban yang tidak berpaksikan kepada nilai-nilai material sebaliknya ia lebih menekankan kepada aspek-aspek spiritual. Berasaskan kepada pernyataan di atas,uraikan peranan adat dan pantang larang dalam mencorakkan kehidupan masyarakat pribumi di Malaysia.  
( 25 markah )
- S2 Kedatangan Tamadun India ke Asia Tenggara telah memberi kesan yang besar terhadap pembinaan tamadun di rantau ini. Bincangkan tentang sumbangan Tamadun India ke atas negara-negara di Asia Tenggara.  
( 25 markah )
- S3 Kemunculan Tamadun China sebagai salah sebuah tamadun awal dunia yang telah mencapai kegemilangan dalam beberapa bidang seperti pentadbiran, falsafah, sastera, unsur moral dan penciptaan sains dan teknologi adalah berlandaskan kepada beberapa ciri tertentu. Huraikan ciri-ciri utama tersebut bagi menyokong pernyataan di atas.  
( 25 markah )
- S4 Perhubungan antara budaya Tradisi China dengan Agama Islam bukanlah merupakan suatu retorik . Sejarah telah membuktikan terdapat kesan-kesan yang jelas akibat pembaharuan dan percampuran antara kedua-dua tamadun. Nyatakan lima aspek utama yang telah menerima kesan pertembungan antara kedua-dua budaya ini terhadap Tamadun China.  
( 25 markah )
- S5 Konsep ‘ *blended religion* ’ adalah antara keunikan yang terdapat dalam Tamadun Jepun. Bincangkan tentang konsep ‘ *blended religion* ’ secara terperinci dan nyatakan bagaimana konsep tersebut telah memberi kesan dalam pembentukan corak pemikiran serta tingkah laku masyarakat Jepun.  
( 25 markah )
- S6 Dailog antara peradaban dilihat sebagai salah satu jalan penyelesaian bagi konflik antara timur dan barat. Apakah yang dimaksudkan dengan dialog peradaban dan jelaskan bagainakah ia mampu menyelesaikan konflik tersebut  
( 25 markah )